

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

SBW232 - Pendidikan, Latihan dan Sumber Manusia/
SBU412 - Pendidikan dan Masyarakat

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan dari soalan-soalan berikut. Setiap soalan bernilai 100 markah.

1. Hasrat kurikulum-kurikulum baru sekolah (KBSR/KBSM) di Malaysia tidak semuanya dicapai dengan sempurna.
 - i) Mengapa?
 - ii) Sejauhmanakah kurikulum dapat mempengaruhi perubahan sosial mengikut teori konflik pendidikan?
2. Apakah hujah teori modal manusia dalam memelopori dasar pelaburan sosial dan persendirian dalam pendidikan? Akibat perluasan sektor pendidikan bagaimanakah corak pendidikan di Negara Sedang Membangun telah berubah dan apakah masalah-masalah yang dihadapi?
3. Satu kajian oleh Ozay Mehmet dan Yip Yat Hong terhadap graduan sebuah universiti tempatan dalam tahun lapan puluhan, telah mendapati bahawa kadar pulangan pelaburan sosial terhadap pendidikan tinggi di universiti ini, adalah jauh lebih rendah dari kadar pulangan persendirian.
 - i) Apakah implikasi penemuan ini terhadap perubahan dasar perbelanjaan awam pendidikan tinggi hari ini?
 - ii) Patutkah pendidikan tinggi itu cuma dianggap sebagai pelaburan? Mengapa?

4. Semasa zaman kolonial, keadaan pendidikan dikatakan mempunyai sifat, “kemajmukan yang mengakibatkan ketidakseimbang”, dan “perbezaan persekolahan yang memecahkan”. Kerajaan pasca kolonial telah cuba menterbalikkan keadaan pendidikan dengan mendukung konsep bahawa “keseragaman menjamin keseimbangan” dan “penyatuan sekolah membawa perpaduan”. Bagaimanakah dan apakah proses yang dilalui kerajaan pasca kolonial dalam cuba melaksanakan konsep baru ini?

5. Bincangkan fasa-fasa dalam transformasi pendidikan, di Malaysia, iaitu dari tahap kolonial sehingga ke tahap pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.
 - i) Apakah fasa-fasa tertentu yang boleh dikenalpasti?
 - ii) Apakah faktor-faktor politik, ekonomi atau sosial yang menentukan berakhir atau bermulanya sesuatu fasa itu?

6. Bincangkan secara kritikal isu reformasi penswastaaan dan pengkorporatan dalam pendidikan tinggi hari ini. Gunakan soalan-soalan berikut sebagai panduan:
 - i) Bagaimanakah reformasi ini menukar corak dan struktur pendidikan tinggi hari ini?
 - ii) Apakah ideologi pembangunan tahun 1990an (atau selepas DEB) yang mempengaruhi reformasi pendidikan pada masa itu?
 - iii) Sejauhmanakah pentingnya reformasi ini diadakan?
 - vi) Apakah undang-undang yang digunakan untuk membenarkan reformasi ini diteruskan?
 - v) Apakah pandangan pro dan kontra mengenai reformasi ini?